

## Memelihara Anjing

Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ كَلْبًا، إِلَّا كَلْبَ صَيْدٍ، أَوْ زَرَعَ، أَوْ مَاشِيَةً، انْتَقَصَ مِنْ أَجْرِهِ كُلَّ يَوْمٍ قِيرَاطٌ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang memelihara anjing, selain dari anjing pemburu, atau anjing penjaga ladang atau penjaga binatang ternakan, maka pahalanya akan berkurang setiap hari satu qirath.”

Riwayat Abu Daud (2346), al-Tirmizi (1567), al-Nasaie (4305) dan Ahmad (4917)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Dinyatakan di sini beberapa pendapat ulama berkenaan hukum ini:
  - Imam Nawawi daripada Mazhab Syafie berpendapat: Haram memelihara anjing tanpa ada keperluan dan harus memelihara untuk tujuan perburuan, menjaga tanaman dan menjaga haiwan ternakan.
  - Ulama Maliki berpendapat: Makruh memeliharanya dengan tujuan selain dari menjaga tanaman, menjaga haiwan ternakan dan berburu. Sebahagian ulama Maliki mengatakan harus. Memelihara bertujuan untuk menjaga rumah kediaman dan tujuan lain (selain 3 tujuan yang disebut dalam hadis).
  - Imam Abdul Bar berkata: Termasuk dalam berburu dan sebagainya yang mengharuskan membela anjing ialah membelanya untuk mendapatkan manfaat dan menghindari kemudaratan. Ini diambil daripada qias. Makruh membelanya hanya kerana membela tanpa keperluan.

- Ibn Qudamah daripada Mazhab Hanbali berkata: Haram membela anjing untuk menjaga rumah kerana berdasarkan hadis yang lepas.
2. Sebahagian ulama Fiqh menetapkan apa yang dimaksudkan larangan memelihara anjing yang disebut dalam hadis ini ialah larangan yang bersifat makruh sahaja, bukan larangan bersifat haram. Jika hukumnya haram, nescaya tidak dibolehkan baginya untuk memelihara sama sekali sama ada kurang pahala mahupun tidak.
  3. Larangan memelihara anjing di dalam rumah bukanlah bermaksud kita berlaku kasar terhadapnya ataupun mesti membunuhnya. Nabi SAW pernah bersabda tentang anjing-anjing ini, katanya:

لَوْ لَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَّمِ لَأَمَرْتُ بِقَتْلِهَا

**Maksudnya:** “Kalaulah tidak kerana anjing-anjing itu dianggap umat daripada umat ini, nescaya aku akan menyuruh untuk dibunuhnya!”

Riwayat Abu Daud (2847) dan al-Tirmizi (1563)


4. Sesuai dengan maksud hadis ini, Allah telah menunjukkan pengertiannya yang besar serta hakikat yang mulia dalam firman-Nya:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَّةٌ أَمْثَالُكُمْ

**Maksudnya:** Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu.

(Surah al-An'am: 38)

5. Nabi SAW pernah menceritakan kepada para sahabatnya kisah seorang lelaki yang menemui seekor anjing di padang pasir, anjing itu kelihatan sangat lapar dan dahaga sekali. Lelaki itu turun ke dalam sebuah perigi, membuka kasutnya lalu diisikannya dengan air dan diberikan anjing itu minum sehingga hilang dahaganya. Maka Nabi SAW pun mengatakan: Kerana perbuatan lelaki itu, Allah SWT telah merahmatinya dan mengampunkan dosanya. - Disebut dalam Sahih Bukhari



6. Nabi SAW bersabda:

أَتَانِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَقَالَ لِي: أَتَيْتُكَ الْبَارِحَةَ، فَلَمْ يَمْنَعْنِي أَنْ أَكُونَ دَخَلْتُ،  
إِلَّا أَنَّهُ كَانَ عَلَى الْبَابِ تَمَائِيلُ، وَكَانَ فِي الْبَيْتِ قِرَامٌ سِتْرٌ فِيهِ تَمَائِيلُ، وَكَانَ فِي الْبَيْتِ  
كَلْبٌ، فَمُرَّ بِرَأْسِ التَّمْثَالِ الَّذِي فِي الْبَيْتِ يُقَطَّعُ فَيَصِيرُ كَهَيْئَةِ الشَّجَرَةِ، وَمُرَّ بِالسِّتْرِ  
فَلْيُقَطَّعْ فَيَجْعَلَ مِنْهُ وَسَادَتَانِ تُوَطَّأَنِ، وَمُرَّ بِالْكَلْبِ فَلْيُخْرِجْ

**Maksudnya:** “Telah datang kepadaku Jibril AS dan berkata kepadaku: Aku datang kepadamu malam tadi, dan tiada apa pun yang menghalangiku dari memasuki rumahmu, kecuali kerana di pintu (rumahmu) terdapat gambar-gambar, dan di dalam rumah pula ada seekor anjing. Maka suruhlah supaya kepala gambar itu dipotong agar nampak seperti keadaan pepohonan dan suruhlah pula tabir yang bergambar itu dibuat dua bantal untuk berbaring di atasnya dan suruhlah anjing itu keluar dari dalam rumah!”

Riwayat Abu Daud (4160), al-Tirmizi (3036) dan Ibn Hibban (165)

7. Oleh yang demikian, larangan bagi seseorang yang memelihara anjing ialah kerana tiada keperluan atau sebarang manfaat yang terhasil daripadanya.
8. Dari segi pandangan kedokteran, sangat penting sekali dalam perbincangan ini kerana bahaya yang mengancam kesihatan manusia dan kehidupannya disebabkan pemeliharaan anjing dan bermain-main dengannya bukanlah lagi suatu masalah yang boleh diabaikan. Oleh kerana manusia yang degil dan sanggup berbelanja mahal untuk memelihara anjing ternyata binatang tersebut mempunyai kuman yang berbahaya oleh mencetuskan penyakit kronik yang berpanjangan, malah ada yang menemui ajal gara-gara penyakit tersebut.
9. Kuman anjing mudah berjangkit dan dinamakan kuman pita anjing yang kerap menjangkiti manusia dalam bentuk bisul. Ia juga boleh berjangkit kepada binatang ternakan khususnya pada babi. Akan tetapi kuman ini cukup aktif pada badan anjing liar dan serigala. Ianya amat jarang menjangkiti kucing dan kuman ini berbeza sekali dengan kuman yang lain kerana sifatnya sangat halus sekali sehingga hampir-hampir tidak kelihatan dan dikenali melainkan sejak akhir-akhir ini.



10. Dr. Graard Pentsmer berkata: Pertumbuhan kuman pita anjing ini mempunyai keanehan tersendiri dalam dunia haiwan. Daripada satu telurnya sahaja boleh tumbuh beberapa kuman lain yang menjadikannya bisul lantas ia sempurna dan cukup subur dalam usus anjing. Kesannya pada tubuh manusia dan binatang lain tidak sama selain tumbuhnya bisul dan nanah yang baru, berlainan sekali seperti yang sudah diketahui pada tubuh anjing. Jangkitan kuman ini pada binatang ternakan tidak sampai membesar hingga lebih daripada bentuknya kecuali sangat jarang sekali.
11. Kesan pada tubuh manusia pula boleh sampai ke bentuk genggaman tangan atau sampai membesar kepala kanak-kanak yang dipenuhi cairan kuning yang beratnya kira-kira sepuluh hingga dua puluh paun. Kuman ini selalunya menjangkiti manusia pada organ hatinya dan ia kelihatan dalam pelbagai rupa yang tidak sama. Akan tetapi, ia selalunya berpindah ke paru-paru, limpa, buah pinggang, anggota-anggota yang lain dan tengkorak. Ia selalunya berubah bentuk dan keadaannya sehingga sukar dianalisa dan mengelirukan doktor pakar sehinggalah ia berjaya dikesan baru-baru ini.
12. Manakala di daerah Frizledz Belanda, anjing-anjing dijadikan untuk menarik perhatian dan penderitaan manusia disebabkan kuman tersebut tidak kurang 12%, sedangkan penyakit yang melanda Irelandia dinisbahkan 43 orang daripada seorang yang terkena penyakit ini. Jika dikira kerugian yang terpaksa ditanggung gara-gara kuman tersebut, sesungguhnya tidak ada seorangpun yang membantah jika dihapuskan semua anjing-anjing di dunia ini demi mencapai kestabilan kesihatan masyarakat di seluruh dunia.
13. Usaha yang terbaik untuk membanteras wabak ini ialah menumpukan tanggungjawab kita untuk mengekang kuman ini dan membiarkan pada anjing sahaja. Akan tetapi jika difikirkan ianya sia-sia sahaja kerana hakikatnya kita tidak mampu mencegah orang daripada memelihara binatang tersebut.
14. Lantaran itu, jangan lupa mengubati anjing-anjing yang sudah terkena penyakit ini dengan cara pengubatan yang perlu dalam hal sedemikian iaitu dengan melenyapkan kuman tersebut yang ada pada tubuhnya dan membuat pemeriksaan pada anjing itu dari masa ke semasa terutamanya anjing pengembala ternakan dan anjing penjaga rumah.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Mark Twain berkata:** Apabila anda mengambil anjing kelaparan, kemudian memeliharanya dengan baik, anjing itu tidak akan menggigit anda. Ini adalah perbezaan yang besar di antara anjing dan manusia.
- ❖ **Pujangga berkata:** Anjing satu-satunya makhluk di dunia yang mencintai anda lebih daripada dirinya sendiri. Sejarah lebih banyak memberi contoh kesetiaan anjing daripada manusia.

### Kisah Teladan

Allah SWT amat sayangkan orang yang mempunyai akhlak yang baik bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada haiwan. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Ketika seorang lelaki sedang dalam perjalanan, ia berasa sangat dahaga. Lantas ia masuk ke dalam sebuah telaga yang dalam, lalu minum air di dalamnya. Setelah dia keluar, didapatinya ada seekor anjing di tepi telaga yang sedang menjelirkan lidahnya dan menjilat-jilat tanah lembap kerana kehausan. Orang itu berkata: Anjing ini berasa haus sebagaimana apa yang aku rasakan sebentar tadi.

Kemudian dia kembali turun ke dasar telaga semula untuk mengambil air. Dia telah mengisi kasutnya dengan air lalu membawanya naik dengan menggigit kasut tersebut. Kerana perbuatannya itu, Allah berterima kasih kepadanya dan mengampunkan dosanya. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, adakah jika kami mengasihi haiwan, kami juga mendapat pahala?

Baginda menjawab: “*Berbuat baik kepada setiap makhluk pasti mendapat pahala.*” – Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Jika kebaikan kepada anjing pun begitu tinggi nilainya di sisi Allah, apatah lagi kebaikan sesama manusia? Setiap hari kita berinteraksi dan berkomunikasi sesama manusia dan alangkah indahnya jika semua itu dilakukan dengan akhlak yang mulia. Guru mengajar dengan akhlak yang mulia kepada muridnya, begitu juga dengan doktor, ulama, pemandu, buruh dan sebagainya. Jangan hanya dirasakan itu hanya kerja yang mendatangkan laba (gaji) dan pangkat daripada

majikan, tetapi laksanakan dengan berakhlak, nescaya kita akan mendapat tempat yang tinggi dan terpuji di sisi Tuhan.

Sebaliknya akhlak yang buruk adalah perbuatan terkutuk. Abdullah meriwayatkan bahwa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Seorang wanita menyiksa seekor kucing dengan mengurungnya sehingga mati. Akibatnya, wanita itu dimasukkan ke dalam neraka. Dia tidak memberinya makanan dan minuman, malahan tidak juga membebaskannya untuk makan serangga di tanah.”* – Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

